

TEKS UCAPAN
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,
REKTOR KUKUM
MALAM ANUGERAH GEMILANG SISWA 2006
PADA 5 MAC 2006 BERTEMPAT DI DEWAN KAPITOL, KANGAR, PERLIS.

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim.
Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis,

Yang Berusaha Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff.
Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) KUKUM dan isteri,

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.
Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) KUKUM dan isteri,

Dif-Dif Kehormat,

Pegawai-pegawai Utama KUKUM,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media yang Dihormati,

Warga Kerja dan Mahasiswa KUKUM yang dikasihi sekalian.

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia rezeki yang dicurahkan, kasih sayang yang melimpah-ruah, dan mengizini kita semua pada malam ini sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam majlis **Malam Anugerah Gemilang Siswa 2006**. Syabas diucapkan kepada anggota jawatankuasa majlis kerana berkat komitmen yang tinggi dalam usaha menyatu idea, menyempurnakan kerja, menzahirkan upacara, program ini berlangsung serta terlaksana dengan penuh adab dan jayanya.

Saya percaya tanpa kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga KUKUM, majlis yang besar seumpama ini sudah pasti sukar dilaksana. Ibarat kata bijak pandai, *"pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama."*

Terlebih dahulu, saya mewakili warga KUKUM ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir dalam program malam ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat kami. Sesungguhnya kami memandang tinggi komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong apa jua program yang dianjurkan KUKUM.

Hadirin hadirat sekalian,

Anugerah Gemilang Siswa 2006 diadakan untuk memberikan pengiktirafan kepada mahasiswa yang telah mengharumkan nama universiti dan berusaha membina personaliti diri yang terbaik dari aspek kesukanan, kesenian, kepimpinan, kesukarelaan dan akademik sepanjang tahun 2002 hingga 2005. KUKUM, walaupun baru berusia 4 tahun telah membuktikan bahawa kita juga mampu membentuk dan

melahirkan mahasiswa yang berpotensi tinggi apabila berhadapan dengan masyarakat luar di pelbagai peringkat.

Keupayaan kita menghantarkan mahasiswa ke semua program IPT dan program peringkat nasional menjadi bukti bahawa KUKUM berjaya melatih barisan mahasiswa yang berkebolehan dalam beberapa banyak aspek. Lantaran, majlis pada malam ini diadakan agar semua pihak yang mempunyai rekod sumbangan dan kejayaan dalam usaha mengharumkan nama KUKUM, diiktiraf dan diberi penghargaan yang sewajarnya.

Hadirin hadirat yang dihormati,

Sejak penubuhannya pada tahun 2002, seluruh kakitangan dan mahasiswa telah menempuhi pelbagai cabaran dalam usaha membangunkan dan mencemerlangkan universiti yang kita cintai ini. Alhamdulillah, dalam usia yang 'setahun jagung' ini, KUKUM mampu berdiri dan menghadapi segala cabaran itu dengan penuh kebijaksanaan.

Bermula dengan sebuah pejabat kecil di Kubang Gajah, kemudian berpindah ke bangunan KWSP yang disewa, hinggalah menjadi kampus bandar yang berkonsepkan *distributed campus* yang berada di serata negeri Perlis. Namun, meskipun konsep pembangunannya sedemikian rupa, saya sebagai Rektor ingin menegaskan bahawa KUKUM akan terus dimatangkan sebagai institusi pendidikan tinggi negara yang berlandaskan falsafah pendidikan yang meletakkan kepercayaan kepada Tuhan sebagai teras utamanya. KUKUM percaya dan yakin bahawa usaha untuk mendidik masyarakat berilmu yang progresif, berdisiplin, bersepadu dan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani bagi menjana pemimpin terbilang negara, tidak dapat tidak, mestilah berteraskan konsep yang menjadi nilai utama Rukun Negara.

Pada hemat saya, nadi utama kecemerlangan sesebuah universiti ialah kualiti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan. Justeru, dalam hal ini KUKUM akan terus melakukan anjakan paradigma. Kita akan terus berusaha menghasilkan lebih banyak siswazah yang berkualiti dan bertaraf dunia. Siswazah yang bakal dihasilkan, insya-Allah akan menjadi aset yang sangat berharga kepada negara. Siswazah KUKUM, insya-Allah bakal mewarnai kanvas kehidupan bangsa sebagai pemimpin negara yang terbilang, penyambung budaya yang cemerlang dan penggerak pembangunan tamadun negara bangsa yang bakal dijulang.

Hadirin hadirat sekalian,

Universiti antara lain merupakan institusi penentu masa depan masyarakat dan negara. Teguh dan rapuhnya sistem industri dan masyarakat keseluruhannya akan banyak dipengaruhi oleh siswazah yang diharapkan dapat membimbing dan memimpin industri, masyarakat, keluarga dan generasi akan datang. Negara amat memerlukan siswazah yang holistik dan seimbang dalam keupayaan penggunaan potensi dan bakat diri.

Siswazah sewajarnya mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menyelesaikan masalah diri dan organisasi, berperwatakan dan berperibadi mulia, mengutamakan penggunaan daya intelek, tinggi daya fikir, bersikap ilmiah semasa mengemukakan kaedah penyelesaian masalah, berupaya mengemukakan pelbagai pendekatan penguraian kemelut menurut keperluan situasi dan sebagainya. Pendek kata, harapan negara kepada siswazah dan bakal siswazah amat tinggi kerana kepada merekalah tanggungjawab mengurus perubahan pembangunan negara bakal diserahkan.

Begitulah sedikit banyak gambaran tentang kata 'cemerlang' yang sewajarnya menjadi harapan, keinginan, impian dan hala tuju semua insan dan organisasi. Dalam konteks mahasiswa, konsep kecemerlangan itu dapat disimpulkan dengan pengertian

keupayaan dan kemampuan mahasiswa mensinergikan dan menggunakan keseluruhan potensi diri yang dikurniakan Allah.

Namun, kesimpulan sedekian rupa tidak akan menjadi realiti sekiranya prestasi akademik pelajar kita tidak dipertingkatkan. Merujuk statistik, taburan PNGK mahasiswa KUKUM dalam peperiksaan Semester I Sidang Akademik 2005/06, didapati bahawa mahasiswa yang mendapat PNGK antara 3.67 - 4.00 ialah sebanyak 2.0%, PNGK 3.00–3.66 (33.0%), PNGK antara 2.50–2.99 (38.0%), PNGK antara 2.00–2.49 (22.0%) dan PNGK antara 1.99 ke bawah (4.3%). Berdasarkan data yang disebut tadi dapatlah disimpulkan bahawa sebahagian besar mahasiswa KUKUM berada dalam lingkungan sederhana 38% dan diikuti oleh mahasiswa yang berada dalam kategori membanggakan 33%, manakala mahasiswa kelas pertama hanyalah 2.0%. Secara keseluruhannya, jumlah mahasiswa KUKUM yang tergolong dalam kategori sederhana ke atas berjumlah 73%.

Pencapaian ini jika ditimbangtarakan dengan pencapaian mahasiswa universiti lain, tidak banyak bedanya. Malah, ada yang berpandangan bahawa semakin kecil peratusan mahasiswa yang mendapat ijazah kelas pertama merupakan suatu petanda bahawa sistem pendidikan universiti itu berkualiti tinggi. Lebih kecil jumlahnya, lebih berkualitilah sistem penilaiannya.

KUKUM bersetuju dengan pernyataan itu dalam erti kata yang terbatas. Di KUKUM, sistem penilaiannya mahu diperketat dan dipertingkatkan supaya setanding dengan sistem-sistem yang diamalkan oleh universiti terbaik di dalam dan di luar negara. Para pensyarah dan warga pentadbirnya akan sentiasa melakukan pelbagai bentuk inovasi dan pembaikan berterusan supaya golongan mahasiswa yang mendapat kelas pertama dapat ditambahkan peratusannya dari semasa ke semasa. Jika sistem penilaiannya diperketat, dan jumlah mahasiswa yang cemerlang bertambah juga, maka barulah kita akan menganggap bahawa kita berkualiti; kita cemerlang. Inilah antara lain anjakan

paradigma yang sedang kita laksana dan akan dilaksana pada masa akan datang. KUKUM hari ini dan selamanya mahu dipandang sebagai universiti yang berkualiti dunia yang berupaya melahirkan siswazah kelas pertama dalam kuantiti yang sentiasa tinggi peratusannya.

Berdasarkan statistik itu juga saya berasa amat yakin KUKUM akan menjadi universiti yang terbilang pada masa akan datang. Jika hari ini kita sudah mencapai kejayaan yang setanding dengan universiti lain, pada masa akan datang, dengan komitmen yang tinggi daripada seluruh kakitangannya dan dengan sokongan dan dokongan semua pihak, khususnya daripada YAB Dato' Seri Menteri Besar, pasti menjanjikan pencapaian yang lebih membanggakan. Kita jangan lupa bahawa mahasiswa KUKUM kebanyakannya datang sama ada melalui saluran matrikulasi, STPM atau diploma dengan purata PNGK 2.80 sahaja.

Tetapi pada hari ini kita telah berupaya melahirkan 37% mahasiswa yang mendapat PNGK 3.00–4.00. Ini suatu kejayaan. Tambahan pula kejayaan ini dipermantap dan diperkukuh oleh keupayaan kita melatih mereka bukan sahaja berupaya menguasai teori, tetapi yang lebih menggembirakan ialah mereka berupaya juga memperoleh kemahiran yang tinggi lantaran dilatih dalam aspek-aspek praktikal secara *hands-on* yang ekstensif. Aspek ini agak kurang dititik-beratkan di universiti lain. Kekuatan ini bukan lagi suatu impian, tetapi telah beberapa kali diucapkan oleh pemimpin-pemimpin syarikat kecil, besar dan multinasional yang menerima mahasiswa kita dalam latihan industri.

Tetapi, tangan yang menepuk mestilah disambut oleh tangan yang menampan, barulah terhasil bunyinya. Untuk menjadi mahasiswa yang cemerlang dan siswazah yang gemilang, budaya ilmu mestilah dijadikan amalan sepanjang masa. Ilmu hanya akan datang dan bersemadi dalam diri jika jiwa kita bersih sentiasa. Ilmu ialah sesuatu yang suci, dan hanya memilih tempat yang suci juga untuk dijadikan tempat

bersemadi. Jika itu hukum asasnya, maka mahasiswa perlu berusaha ke arah itu: mensucikan jiwa.

Mahasiswa perlu sentiasa mengingati Allah, melaksana segala perintah-Nya, meninggalkan dan menjauhi segala larangan-Nya; membuang segala elemen negatif yang bermain dalam persada minda; menenangkan dan memperkaya emosi dengan perasaan yang dapat menzahirkan kematangan; dan menjaga kesihatan anggota fizikal dalaman dan luaran supaya sentiasa dapat berhadapan dengan segala bentuk cabaran dan dugaan.

Apabila jiwa sudah disucikan, janganlah pula berhenti setakat itu lantas mendabik dada lalu mendakwa bahawa, "aku sudah menjadi orang yang berilmu." Bukan begitu caranya. Konsep budaya ilmu tercakup di dalamnya pengertian bahawa ilmu dunia dan ilmu akhirat wajib dicari, dituntut dan didalami.

Ilmu perlu diteroka melalui proses membaca sebanyak mungkin buku teks, nota kuliah, jurnal, laporan makmal dan sebagainya sebelum dan selepas kuliah disampaikan; memberikan tumpuan pada kuliah yang disyarahkan; bersungguh-sungguh menjalani latihan kemahiran di makmal; nota perlu diperkemas untuk memudahkan usaha mengulangkaji; pensyarah perlu dikunjungi supaya keaburan dan ketidakfahaman dapat dijelaskan; serta rakan-rakan perlu dibawa berbincang untuk menguji ingatan dan kefahaman; memperbanyak penyelidikan dalam proses mencari kebenaran dan sebagainya. Inilah antara lain usaha yang perlu dilaksanakan mahasiswa untuk mengkategorikan diri sebagai mahasiswa kelas pertama.

Sebagai tambahan, untuk menjadi cemerlang pula, mahasiswa perlu melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti (keagamaan, sukan, kesenian, rehlah, pertandingan, bersosial dan sebagainya) yang dianjurkan supaya dapat mengasah bakat dan mempertajam ketrampilan yang berkaitan dengan aspek *soft-skills*. Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum

dan ekstra-kurikulum seperti yang terkandung dalam konsep Rakan Pendamping Siswa (RPS) diciptakan khas untuk mendidik dan membina sahsiah serta ketrampilan yang mantap yang wajar dipamer oleh seseorang yang mahu menggelar dirinya sebagai manusia berilmu.

Namun, merujuk statistik penglibatan mahasiswa dalam aktiviti ko-kurikulum, didapati bahawa sebahagian besar mahasiswa menyertai persatuan yang berasaskan pusat-pusat pengajian masing-masing sahaja. Tetapi, peratusan pelajar yang terlibat dengan persatuan bersifat umum sangat mengecewakan iaitu 32.5% atau 698 orang daripada keseluruhan mahasiswa. Contoh lain yang lebih mengkusarkan ialah keanggotaan Kelab Pemadam hanyalah 30 orang daripada lebih 2000 mahasiswa yang berdaftar.

Sekarang terpulanglah kepada para mahasiswa untuk menjadikan impian diri dan keluarga sebagai kenyataan. Sesungguhnya cita-cita tanpa usaha tidak membawa kita ke mana-mana. Ingatilah pesan orang-orang tua: *'Pengayuh kalau sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.'*

Anak-anak yang saya kasihi sekalian, janganlah lupa bahawa anda datang ke KUKUM bersama harapan kedua-dua ibu bapa. Pengorbanan mereka untuk menyediakan segala keperluan yang dapat memudahkan proses anda menuntut ilmu tidak sewajarnya dinilai dengan wang ringgit ataupun harta benda. Titik peluh dan jerih-perih mereka janganlah dipandang dan ambil mudah. Belajarlah dengan bersungguh-sungguh supaya kita mampu mengubah corak dan kehidupan kita dan mereka pada masa hadapan. Jangan kerana kealpaan dan kesilapan kita, ibu bapa tidak dapat merasai nikmat kesenangan hidup walau sekelumit jua. Janganlah biarkan mereka terus-terusan dilambung kesusahan dan derita sepanjang hayat. Tiada guna kita meratap pada kala mereka sudah tiada di sisi kita.

Anak-anak didik KUKUM sekalian, gantungkanlah azam dan semangatmu setinggi bintang di langit dan rendahkan hatimu serendah mutiara di lautan. Ingatlah bahawa manusia dilahirkan dengan kemampuan untuk terbang, kenapa pula anda memilih untuk merangkak sepanjang hayat.

Hadirin hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis dan tetamu-tetamu serta dif-dif kehormat yang lain.

Dengan itu, saya dengan segala hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis untuk menyampaikan ucapan, dipersilakan.